

09 APR 2004

UITM: DOKTOR KEHORMAT UNTUK DR MAHATHIR

SHAH ALAM, 9 April (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad akan dianugerahkan Ijazah Doktor Kehormat Sains Politik dan Kerajaan pada konvokesyen peringatan Universiti Teknologi MARA (UiTM), 15 April ini.

Dr Mahathir akan menerima ijazah itu daripada Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail yang juga Canselor UiTM.

Timbalan Naib Canselor (Akademik) UiTM Datuk Prof Ahmad Zainuddin berkata ijazah itu sebagai menghargai sumbangan besar dan penting Dr Mahathir kepada politik negara dan dunia.

Dalam satu kenyataan di sini hari ini, beliau berkata UiTM mempunyai hubungan mesra dan bermakna dengan Dr Mahathir kerana beliau adalah yang mengisytiharkan institusi itu sebagai universiti penuh pada 26 Ogos, 1999.

Konvokesyen peringatan itu diadakan sempena Konvokesyen UITM ke-59.

Seramai 12,483 penuntut akan menerima ijazah dan diploma masing-masing pada konvokesyen itu.

-- BERNAMA  
LES LAT